

# Bersih dan Ceria

Ajuk dan berikan respons.

## Rambut Bersih

Guan Hong,  
cuci rambut  
kamu dengan  
syampu ini.

Baiklah. Saya akan  
mencuci rambut  
dengan syampu ini.

Lap rambut kamu  
dengan tuala.

Ya, ibu. Saya  
akan .



Letakkan minyak rambut ini.

Sikat rambut kamu.  
Gunakan sikat yang bersih.



1.1.2(ii)

**Nota  
Guru**

- Bimbing murid mengajuk dan memberikan respons terhadap suruhan.
- Minta murid melakukan aktiviti main peranan.

BA J1: 42


KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Kebersihan Diri

KP – Interpersonal



## Baca dan fahami.

### Gigi Bersih Wajah Ceria



#### Info Bahasa

##### Flos:

Sejenis benang berlilin untuk membersihkan celah-celah gigi.

Vimala mempunyai gigi yang putih dan bersih. Dia memberus gigi sekurang-kurangnya dua kali sehari.

Vimala akan mengeluarkan sisa makanan dari celah-celah gigi dengan flos. Selepas makan, dia juga akan berkumur.

Vimala berjumpa dengan doktor gigi setiap enam bulan. Dia berjumpa dengan doktor gigi untuk memeriksa giginya.

#### Cara-cara Vimala Menjaga Gigi



#### Nota Guru

- Bimbing murid membaca dan memahami perenggan.
- Minta murid menyatakan cara-cara menjaga gigi.

KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Prihatin

Kontekstual

2.1.2(iii)

BA J1 : 43





## Bina dan tulis ayat.

### Rumah Bersih Kita Selesa

1.



2.



Fiza dan ibunya  
membersihkan ruang tamu.

-membersihkan habuk-



3.



4.



-menyusun-buku-



-ruang tamu-bersih-



3.2.1(iii)

BA J1 : 44



● Minta murid menulis ayat dengan betul dan kemas.

KBT : KB – Mengecam

Nilai : Menjaga Kebersihan

Belajar Cara Belajar

41




## Pak Pandir Sakit Perut

Pada suatu hari, Pak Pandir sakit perut. Dia sakit perut selepas pulang daripada makan di sebuah warung. Kemungkinan Pak Pandir sudah termakan makanan yang tercemar.

Pak Pandir segera pergi ke klinik. Doktor memberikan ubat untuk menyembuhkan penyakit Pak Pandir.



Keesokan harinya, Pak Pandir datang semula ke klinik. Dia berjumpa dengan doktor.





## Kata Adjektif Warna

### Cerianya Taman



5.1.3(ii)

BA J1 : 46

Nota  
Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata adjektif warna pada gambar.
  - Minta murid bercerita berdasarkan gambar dengan kata adjektif warna.
- KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Kerjasama

Konstruktivisme

43

# Sekolah Bersih Murid Selesa

Ajuk dan berikan respons.

## Kelas Bersih

Murid-murid, sekolah kita akan mengadakan pertandingan kebersihan kelas. Bawalah kain untuk mengelap habuk.



- Bimbing murid mengajuk pesanan dan memberikan respons.
- Minta murid melakukan simulasi.

KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Bersopan-santun

KP – Interpersonal

1.1.2(iii)

BA J1: 47



Baca dan fahami petikan.

## Taman Bahasa Melayu



Di kelas Guan Hong ada Taman Bahasa Melayu. Di sini juga terdapat ruang bacaan dan pokok ilmu.

Cikgu Wong dan murid-murid menghias taman kelas. Mereka menggantungkan kad perkataan pada pokok ilmu. Hasil kerja murid juga dipamerkan di taman ini.

Taman kelas ini bersih, cantik dan kemas. Murid-murid membaca buku di taman ini dengan selesanya.



Ceritakan cara Guan Hong dan rakan-rakannya menghias taman kelas.

2.1.2(iv)

BA J1 : 48



- Minta murid membaca petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Kerjasama

BCB – Bacaan Intensif


45



## Bina dan tulis perenggan.

### Pusat Sumber Ceria

Sekolah Guan Hong menyertai Pertandingan Pusat Sumber Ceria. Guan Hong dan rakan-rakannya membantu guru mereka. Mereka bekerjasama menceriakan pusat sumber.



meletakkan pasu bunga

menampalkan poster

menyusun kerusi



Akhirnya, tugas mereka selesai. Pusat sumber sekolah menjadi cantik dan selesa. Mereka berharap agar sekolah mereka berjaya menjadi johan.



Nota  
Guru

- Bimbing murid membina dan menulis perenggan berdasarkan gambar dan frasa.

KBT : KB – Menaakul  
Nilai : Kerjasama

Konstruktivisme

3.2.1(iv)

BA J1: 49



## Seni Bahasa

### Sekolah Bersih dan Ceria

Dari paya lari ke kali,  
Si ibu angsa lari dikejar;  
Kelas saya ceria sekali;  
Dengan selesanya saya belajar.

Bunga raya daun selasih,  
Dari desa dibawa si dara;  
Kelas saya sangat bersih,  
Saya berasa amat gembira.

Ikan seluang beli di Tapah,  
Ikan kelah beli di desa;  
Sisa dibuang ke dalam tong sampah,  
Kantin sekolah bersih sentiasa.



4.2.1(ii)

BA J1: 50



Nota  
Guru

- Bimbing murid melafazkan pantun mengikut jeda yang betul.
- Minta murid mengenal pasti rima akhir pantun.

KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Menjaga Kebersihan

Kontekstual

47



## Kata Adjektif Bentuk



### Taman Ilmu

lurus

bujur

bulat

bengkok

Ini taman ilmu sekolah Fendi. Taman ini bersih dan cantik. Di taman ini ada sebuah meja berbentuk \_\_\_\_\_. Di atas meja ada glob berbentuk \_\_\_\_\_. Di taman ini juga ada tiang bendera yang \_\_\_\_\_. Pekerja sekolah ternampak sebatang besi yang \_\_\_\_\_. Dia mengutip besi itu lalu membuangnya ke dalam tong kitar semula. Taman ini dijaga dengan baiknya.



Lengkapkan ayat.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata adjektif bentuk berdasarkan gambar.

- Minta murid melengkapkan ayat menggunakan kata adjektif bentuk.

KBT : KB – Mengemam

KP – Verbal-linguistik

5.1.3(iii)



Nilai : Menjaga Kebersihan



## Kata Arah

### Bilik Sukan Sekolah



### Bijak Bahasa

#### Kata Arah

Contoh: atas, bawah, hadapan, belakang

1. Kon disusun di \_\_\_\_\_ rak.
2. Kotak disusun di \_\_\_\_\_ rak.
3. Gelung rotan diletakkan di \_\_\_\_\_ rak.
4. Bakul yang berisi kayu besbol diletakkan di \_\_\_\_\_ rak.

5.1.4(iii)

BA J1 : 52



● Bimbang murid memahami dan mengenal pasti kata arah.

● Minta murid melengkapkan ayat dengan kata arah yang betul.

KBT : KB – Menghubungkaitkan

Nilai : Menjaga Kesihatan

Kontekstual

49

# Hargailah Kesihatan

Ajuk dan berikan respons.

## Enaknya Jus Lobak

Hari ini ibu mahu membuat jus lobak.

Saya suka akan jus lobak, ibu. Jus lobak enak dan banyak vitamin.

Vimala, tolong keluarkan lobak dari peti sejuk.

Baiklah, ibu. Saya akan mengeluarkannya sekarang.



Tolong cuci lobak itu, Vimala. Lobak itu perlu bersih.

Tolong letakkan lobak itu ke dalam bekas yang bersih.



- Bimbing murid mengajuk dan memberikan respons.
- Bimbing murid melakonkan dialog.

KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Berhemah Tinggi

Kontekstual

1.1.2(iv)

BA J1 : 53





## Baca dan fahami.

### Sihat dan Gembira

- Kawan oh kawan  
Mari kita bersenam  
Kalau kita rajin bersenam  
Badan kita cergas
  
- Kawan oh kawan  
Makanlah buah-buahan  
Sungguh enak dan berkhasiat  
Badan kita sihat
  
- Kawan oh kawan  
Hati-hati semasa makan  
Makanlah makanan yang bersih  
Elakkan penyakit
  
- Kawan oh kawan  
Dengarlah nasihatku  
Kalau kita sihat selalu  
Kita pun gembira  
  
(Mengikut melodi lagu  
“Bangau Oh Bangau”)



Jika sekolah bersih, murid suka datang ke sekolah.



2.3.1(ii)

BA J1 : 54

**Nota Guru**

- Bimbing murid membaca dan memahami seni kata lagu.
  - Minta murid menyatakan nilai berdasarkan seni kata lagu dan gambar.
- KBT : KB – Menilai  
Nilai : Menjaga Kesihatan

**51**



Tulis perkataan.

## Mari Bersukan

Aktiviti sukan baik untuk kesihatan. Terdapat pelbagai aktiviti sukan yang boleh menyihatkan badan.

berenang



bersenam



sukaneka

## Aktiviti Sukan

berlari



bermain





## Seni Bahasa

### Menjaga Kesihatan

Anak-beranak turun ke kali,  
→ Menjala ikan di Sungai Dahan;  
Sungguh enak berkhasiat sekali,  
→ Marilah makan buah-buahan.

Pohon beringin di tepi telaga,  
Pohon belinjau di pinggir pekan;  
Kalau ingin sihat dan bertenaga,  
Sayuran hijau perlulah dimakan.

Burung nuri terbang di angkasa  
Turun ke semak mencari makan  
Supaya diri sihat sentiasa  
Makanan berlemak perlu kurangkan



Tulis pantun semula.

4.2.1(iii)



Nota Guru

- Bimbang murid melafazkan pantun dan mengenal pasti format penulisan pantun.

- Minta murid menulis pantun semula mengikut format penulisan.

KBT : KB – Mengecam

KP – Verbal-linguistik


Nilai : Menjaga Kesihatan

BA J1 : 56



## Kata Adjektif Waktu

### Tidurlah Secukupnya



Sandra amat mementingkan waktu tidurnya. Dia tidak suka tidur pada **lewat** malam. Dia akan bangun pada **awal** pagi.



### Bijak Bahasa

#### Kata Adjektif Waktu

Contoh: awal, lewat,  
baharu, lama

Pada suatu hari, jam loceng Sandra rosak. Ayah Sandra telah membeli jam loceng yang **baharu**. Jam itu akan menggantikan jam loceng **lamanya**.



1. Ayah pergi ke pejabat pada \_\_\_\_\_ pagi.
2. Vimala membeli sepasang baju tidur yang \_\_\_\_\_.
3. Narin perlu pulang kerana hari sudah \_\_\_\_\_ petang.
4. Ibu menggantikan cadar \_\_\_\_\_ itu dengan cadar baharu.



#### Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti dan memahami kata adjektif waktu.
  - Minta murid melengkapkan ayat dengan kata adjektif yang betul.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Berdisiplin Kontekstual



## Kata Tanya

### Jururawat Pergigian

Siapakah wanita itu?

Apakah tugas beliau?

Beliau ialah jururawat pergigian.

Beliau memberikan rawatan pergigian kepada murid sekolah.

Beliau dari mana?

Beliau tiba di sekolah kita bila?

Beliau dari klinik kesihatan.

Beliau tiba di sekolah kita pada pagi tadi.

1. Rawatan pergigian diadakan di \_\_\_\_\_?
2. Waktu yang sesuai untuk memberus gigi \_\_\_\_\_?
3. \_\_\_\_\_ yang berada di dalam bilik kesihatan?
4. \_\_\_\_\_ peralatan yang digunakan oleh jururawat itu?

5.1.4(iv)

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kata tanya.
  - Minta murid melengkapkan ayat dengan kata tanya yang betul.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Menjaga Kesihatan

BA J1 : 58

## Bijak Bahasa

### Kata Tanya

Contoh: apa, siapa, mana, bila



## Penilaian

### A. Lengkapkan ayat dengan kata adjektif.

hijau

baharu

bujur


segera

1. Buah betik berbentuk \_\_\_\_\_ dan berkhasiat.
2. Helmi berjoging dengan memakai kasut sukan \_\_\_\_\_.
3. Fiza \_\_\_\_\_ mengelap peluh dengan tuala setelah bersukan.
4. Puan Ratna memasak sayur-sayuran \_\_\_\_\_ untuk keluarganya.

### B. Baca dan fahami perenggan. Kemudian, lengkapkan Peta Pelbagai Alir.

Anand menjaga kesihatan. Dia mandi dua kali sehari dan memakai pakaian yang bersih. Anand banyak makan sayur dan kurang mengambil makanan manis. Dia sentiasa bersenam dengan keluarganya. Badan Anand bersih, sihat dan cergas.

Peta Pelbagai Alir



# KITA CERMAT KITA SELAMAT



Patuhi Peraturan



Sentiasa Berwaspada



Cermat Selalu

Minta murid meneliti gambar dan membincangkan ciri keselamatan yang terdapat dalam gambar.

# Pentingnya Keselamatan

Dengar dan berikan respons.

## Pentingnya Keselamatan

Mengapakah kamu melarang adik kamu bermain dengan guli itu, Amira?

Guli ini berbahaya kepada adik saya.

Bagaimanakah guli itu boleh membahayakan adik kamu?

Dia mungkin akan menelan guli ini.

Mengapakah kamu melarang adik kamu memegang garpu, Zhi Ying?

Bagaimanakah garpu berbahaya kepada adik kamu?

Simulasikan.



Nota  
Guru

- Bimbing murid mendengar dan memberikan respons terhadap soalan bercapaah.
  - Minta murid membuat simulasikan.
- KBT : KB – Menganalisis  
Nilai : Menjaga Keselamatan

1.1.3(i)

KP – Interpersonal

BA J1 : 62



## Baca dan fahami.

### Gunakan Lif dengan Selamat

Helmi dan ayahnya ke pasar raya. Ayah Helmi mahu membeli baju sekolah baharu untuk Helmi.

Helmi dan ayahnya mahu menggunakan lif. Mereka menunggu lif dengan sabarnya.



Apabila pintu lif terbuka, Helmi dan ayahnya masuk ke dalam lif. Mereka sentiasa berhati-hati.

Ayah Helmi menekan butang lif dengan cermat. Beliau dan Helmi mematuhi peraturan keselamatan semasa menggunakan lif.

Isi cerita	Nilai
Ayah Helmi mahu membeli baju sekolah baharu untuk Helmi.	kasih sayang
Mereka sentiasa berhati-hati.	kontekstual

2.3.1(ii)

BA J1: 63



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti nilai.
  - Minta murid mengenal pasti dan menyatakan nilai daripada cerita.
- KBT : KB – Menilai  
Nilai : Prihatin



Tulis jawapan.

## Kita Patuh Kita Selamat



Pada minggu lalu, Anand dan keluarganya ke taman tema air. Terdapat pelbagai permainan air yang menarik di taman itu.

Ayah Anand menasihati Anand supaya berhati-hati. Beliau meminta Anand mematuhi peraturan di taman tema air itu.

Sebelum bermain air, Anand menukar pakaianya. Dia pergi ke bilik persalinan. Dia tidak berlari-lari kerana lantai di situ basah dan licin.

1. Apakah yang terdapat di taman tema air itu?  
Pelbagai permainan air yang menarik terdapat di taman tema air itu.
2. Siapakah yang menasihati Anand supaya berhati-hati?
3. Anand menyalin pakaianya bila?
4. Anand menyalin pakaianya di mana?



Nota  
Guru

- Bimbing murid menulis jawapan berdasarkan soalan bertumpu.
- Minta murid menulis jawapan yang betul.

KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Patuh

Konstruktivisme

3.2.2(i)

BA J1: 64



# Seni Bahasa

## Hati-hati Kawan

Hati-hati kawan  
Turun naik tangga  
Kalau cuai kawan  
Nanti cedera

Jangan lari-lari  
Jangan lompat-lompat  
Kalau hati-hati  
Pasti selamat

Hati-hati kawan  
Awasilah diri  
Jangan cuai kawan  
Di bilik mandi

(Ulang rangkap dua)

(Mengikut melodi lagu  
“Tanya Sama Pokok”)



Nyanyikan lagu.

4.3.3(i)



- Bimbing murid menyanyikan lagu.  
KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Berwaspada

BA J1 : 65

KP – Muzik

61



## Kata Kerja Aktif Transitif

### Selamat Semasa Hujan

Anand membuka almari. Dia mengambil sehelai baju hujan. Dia mahu membawa baju hujan itu ke sekolah.

Anand akan memakai baju itu jika hari hujan. Baju itu penting untuk keselamatan dirinya semasa hujan.



1. Cikgu Wong \_\_\_\_\_ ubat dari peti ubat.
2. Anand \_\_\_\_\_ pintu pagar dengan berhati-hati.
3. Puan Ratna \_\_\_\_\_ anaknya ke taman permainan.
4. Helmi \_\_\_\_\_ kasut sukan sebelum bermain bola.



- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kata kerja aktif transitif.
  - Minta murid menggunakan kata kerja aktif transitif dalam ayat.
- KBT : KB – Mengemam  
Nilai : Berwaspada

Konstruktivisme

5.1.2(i)

BA J1: 66

# Keselamatan di Sekolah



Dengar dan berikan respons.

## Sentiasa Bersedia

Zhi Ying, kamu perlu sentiasa bersedia. Kamu perlu ingat akan nombor telefon ayah kamu.

Baik, cikgu. Saya akan ingat akan nombor telefon ayah saya.



Bagus, Zhi Ying. Selain nombor telefon ayah, kamu juga perlu ingat akan nombor telefon ibu kamu.

Ya, cikgu.



Simulasikan.

1.1.3(ii)



Nota  
Guru

BA J1: 67

- Bimbing murid memberikan respons terhadap pesanan.
- Minta murid membuat simulasikan.

KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Rasional

KP – Interpersonal



## Baca dan fahami.


### Keselamatan Murid



Kayu dibelah di tepi rumah,  
Di kantin sekolah sila berhemah.



Buah kerdas daun saderi,  
Di dalam tandas jangan berlari.



Mengail ikan guna joran,  
Semasa bersukan patuhi peraturan.

#### Nilai daripada Pantun

berdisiplin



- Bimbing murid mengenal pasti nilai daripada pantun.
- Minta murid menyatakan nilai.



Tulis frasa.

## Patuh Peraturan

Sekolah Guan Hong mempunyai peraturan keselamatan. Murid-murid tidak dibenarkan bermain di kawasan tertentu. Kawasan tersebut berbahaya kepada murid-murid.



tangki air



tempat letak kereta



makmal sains



longkang



kawasan sunyi

Mengapakah kamu dilarang bermain di kawasan tersebut?

3.2.4(ii)



Nota  
Guru

BA J1: 69

- Minta murid menulis frasa yang diimlakkan.  
KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Patuh

Konstruktivisme

65




## Pesan Merpati

Pada suatu hari, Merpati dan anaknya terbang mencari makanan. Mereka ternampak sekumpulan murid sedang bermain bola keranjang.

“Wah, gembiranya mereka!” kata anak Merpati. Murid-murid itu bermain di tempat yang selamat. Mereka tidak tolak-menolak semasa bermain. Mereka juga tidak bermain dengan kasarnya.

“Contohilah mereka. Jagalah keselamatan diri kamu semasa bermain,” pesan Merpati kepada anaknya.





## Kata Kerja Pasif

### Selamat Tiba di Sekolah

Anand pergi ke sekolah dengan menaiki kereta. Dia **dihantar** oleh ibunya. Apabila tiba di sekolah, ibunya meletakkan kereta di tempat yang disediakan. Anand keluar dari kereta dengan berhati-hati. Dia **dipimpin** oleh ibunya semasa berjalan. Dia **dilarang** berlari ketika masuk ke kawasan sekolah.



#### Bijak Bahasa

#### Kata Kerja Pasif

Contoh: dibawa, dicuci,  
disimpan

1. Amira oleh ayahnya ke sekolah.
2. Sandra oleh ibunya semasa melintas jalan.
3. Murid-murid berbasikal di dalam kawasan sekolah.

5.1.2(ii)

BA J1: 71

Nota  
Guru

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kata kerja pasif.
- Minta murid menggunakan kata kerja pasif dalam ayat.

KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Prihatin

Kontekstual



## Kata Hubung

### Selamat di Taman Sains

#### Bijak Bahasa

##### Kata Hubung

Contoh: dan, tetapi, sambil



Narin **dan** Fiza membantu Cikgu Devan di taman sains.



Narin mahu mengangkat pasu besar **tetapi** dilarang oleh Cikgu Devan.



Fiza berdiri **sambil** menyiram pokok bunga.

1. Pokok bunga mawar cantik  berduri.
2. Narin  Fiza sentiasa berhati-hati di taman sains.
3. Cikgu Devan berjalan  mengawasi murid-muridnya.



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kata hubung.
- Minta murid menggunakan kata hubung dalam ayat.

KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Kerjasama

Konstruktivisme

5.1.4(i)

BA J1: 72

# Keselamatan di Jalan Raya

Tutur dan jelaskan.

## Poster Keselamatan

Hai, Anand! Mari lihat poster ini.

Ya, Anand. Kita mestilah sentiasa berwaspada.

Baiklah, Zhi Ying. Poster ini tentang keselamatan semasa menaiki kereta.

Benar, Zhi Ying. Kita perlu memakai tali pinggang keledar agar kita selamat.



Anand, lihat poster ini pula.



Utamakan Keselamatan





## Baca dan fahami.

### Berjalan ke Sekolah

Rumah Sandra tidak jauh dari sekolahnya. Sandra **berjalan** ke sekolah. Dia ditemani oleh ibunya.

Sandra dan ibunya berjalan di lorong pejalan kaki. Semasa berjalan, Sandra sentiasa memegang tangan ibunya.



Mereka berjalan dengan menghadap **lalu lintas**. Mereka amat berhati-hati dan **peka** terhadap keadaan **sekeliling**.

Mengapakah Sandra dan ibunya berjalan menghadap lalu lintas?



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kosa kata.
- Minta murid menyatakan makna kosa kata yang berwarna merah dengan merujuk kamus.

KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Berwaspada

70

2.2.1(i)

Kontekstual

BA J1: 74



Tulis karangan.

## Ingat Sebelum Kena



Pada suatu hari, Fendi mengikut ayahnya ke pekan. Mereka ke sana dengan motosikal.

Fendi dan ayahnya memakai  . Mereka memakai topi keledar dengan cara yang betul.

Ayah Fendi menunggang motosikal dengan  . Fendi duduk di  ayahnya. Dia memeluk ayahnya dengan eratnya. Dia tidak  semasa dalam perjalanan.

3.3.1(i)

BA J1: 75



Nota  
Guru

- Bimbing murid menulis karangan secara separa terkawal.
  - Minta murid melengkapkan karangan dengan kosa kata yang sesuai.
- KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Berwaspada

Konstruktivisme

71



## Seni Bahasa

### Waspada Selalu



Mekar cempaka di tepi paya,  
Janganlah leka di jalan \_\_\_\_\_.



Bunga kertas cantiknya amat,  
Gunakan \_\_\_\_\_ supaya selamat.



Bunga melati bawa ke \_\_\_\_\_,  
Berhati-hati menaiki \_\_\_\_\_.



- Bimbing murid mencipta pantun.
  - Minta murid melafazkan pantun.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Menjaga Keselamatan



## Kata Sendi Nama

### Lampu Isyarat Jalan Raya

Saya sebagai lampu isyarat jalan raya. Saya amat berguna kepada pengguna jalan raya. Saya bertanggungjawab mengawal lalu lintas.

Saya dipasang pada sebatang tiang. Saya terdiri daripada warna merah, kuning dan hijau.



1. Lorong itu dikhaskan \_\_\_\_\_ pejalan kaki.
2. Topi keledar itu diperbuat \_\_\_\_\_ bahan yang bermutu.
3. Poster keselamatan jalan raya itu ditampalkan \_\_\_\_\_ dinding.

5.1.4(ii)

BA J1 : 77

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kata sendi nama.
  - Minta murid menggunakan kata sendi nama dalam ayat.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Bertanggungjawab



## Kata Berimbuhan Awalan

### Naik Bas Turun Bas



#### Bijak Bahasa

Kata berimbuhan awalan ialah kata yang mempunyai awalan seperti *ber-*,  
Contoh: berjalan, berdiri



Vimala dan kawan-kawannya sangat **berdisiplin**. Mereka **beratur** ketika menaiki bas sekolah. Mereka sentiasa **bersabar**. Mereka tidak berebut-rebut atau tolak-menolak.



Bas sekolah **berhenti** di hadapan sekolah. Vimala dan kawan-kawannya berhati-hati semasa turun dari bas. Mereka tidak **berlari** atau melompat.

1. Mereka sedang  untuk menaiki bas.
2. Jangan  kerana kamu mungkin akan terjatuh.
3. Bas itu  apabila lampu isyarat berwarna merah.
4. Murid-murid perlulah  semasa berada di dalam bas sekolah.



Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti penggunaan kata berimbuhan awalan *ber-*.
  - Minta murid menggunakan kata berimbuhan awalan *ber-* dalam ayat.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Berdisiplin

### A. Baca dan fahami petikan. Bina jawapan berdasarkan soalan.

Amira dan ibunya suka bersiar-siar di taman. Mereka sering bersiar-siar pada waktu petang.

Pada suatu hari, Amira ternampak Guan Hong sedang bermain. Dia bermain papan gelongsor. Dia bermain dengan berhati-hati supaya tidak tercedera. Ibu Guan Hong sentiasa mengawasi Guan Hong agar anaknya itu selamat.

1. Amira suka bersiar-siar di mana? 
2. Amira bersiar-siar dengan siapa? 
3. Bilakah Amira sering bersiar-siar? 
4. Mengapakah Guan Hong bermain dengan berhati-hati? 
5. Bagaimanakah ibu Guan Hong menjaga keselamatan anaknya? 

### B. Isi tempat kosong dengan kata kerja yang betul.

melarang

mengutip

dipandu

diminta

menjahit

1. Ayah  adik bermain dengan peralatan tajam.
2. Helmi  guli-guli yang bertaburan di atas lantai.
3. Kereta itu  oleh ayah Zhi Ying dengan cermatnya.
4. Murid-murid  mematuhi peraturan keselamatan di sekolah.
5. Nenek  butang baju kurung Amira dengan berhati-hati.



## Bacaan Luas

### KELAB KESELAMATAN KEBAKARAN KANAK-KANAK (KELAB 3K)

Kelab 3K ialah Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-kanak. Kelab ini ditubuhkan dan dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Ahli Kelab 3K dikhurusukan kepada kanak-kanak yang berumur antara empat hingga enam tahun. Kanak-kanak yang menyertai kelab ini akan diberi pendedahan asas berkaitan pencegahan dan keselamatan kebakaran.

Mereka yang menyertai kelab ini juga turut didedahkan kepada bahaya kebakaran. Mereka akan diajar teknik berhenti, rebah, guling dan merangkak. Teknik ini mengajar kanak-kanak cara menyelamatkan diri sekiranya berlaku kebakaran.

(Sumber: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)



**TEMA  
5**

# BIJAK SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI

## SAINS



cahaya matahari



deria manusia

## TEKNOLOGI



tong sampah pintar



buku digital

## REKA CIPTA



penyangkut tisu



beg pintar

Minta murid bertutur dengan guru tentang gambar.

Tutur dan jelaskan.

## Makan untuk Hidup



tenaga

tumbesaran

hidup

Helmi, lihat lembu itu.  
Lembu itu makan rumput.

Ya, Guan Hong. Lembu itu perlu makan kerana mahu mendapatkan tenaga.



## Baca dan fahami.

### Gunakan Deria

Ada sepiring mihun goreng di atas meja. Helmi mahu makan mihun itu. Sebelum makan, Helmi perlu memastikan bahawa mihun itu belum basi. Dia perlu menggunakan derianya.

Mula-mula, Helmi melihat keadaan mihun itu. Dia menggunakan deria penglihatannya. Mihun itu tidak berlendir.

Kemudian, Helmi menghidu bau mihun itu. Dia menggunakan deria baunya. Mihun itu tidak berbau busuk.

Seterusnya, Helmi merasa mihun itu dengan lidahnya. Dia menggunakan deria rasanya. Rasa mihun itu sedap. Setelah berpuas hati, barulah Helmi makan mihun itu.



#### Tindakan Helmi Sebelum Makan

melihat keadaan mihun



#### Deria yang Digunakan

deria penglihatan



2.2.1(ii)

BA J2 : 2



- Bimbing murid mengenal pasti isi tersurat.
- Minta murid menyatakan isi tersurat.

KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Rasional

BCB – Bacaan Intensif

79



Tulis ayat.

## Timbul atau Tenggelam?

Anand dan Fendi membuat model bot. Mereka membuat model bot dengan menggunakan bahan yang berbeza.



Model bot Anand diperbuat daripada plastisin.



Model bot Anand tenggelam.



Model bot Fendi diperbuat daripada botol plastik.



Model bot Fendi timbul.

Mengapakah model bot Fendi timbul?





# Seni Bahasa

## Pantun Bijak Sains

Berjalan-jalan membawa guni,  
Mengutip kelapa di bawah pokok;  
Jawablah soalan diberikan ini,  
Haiwan apa suka berkокok?

pembayang

maksud

Pokok cempedak di tepi paya,  
Patah dahan menimpa titi;  
Jika tidak mendapat cahaya,  
Adakah tumbuhan akan mati?

Di tanah rata tumbuh angsana,  
Di pinggir desa tumbuh mengkudu;  
Hidung kita sangat berguna,  
Untuk merasa atau menghidu?



4.2.1(i)

Nota Guru

BA J2: 4



- Bimbing murid mengenal pasti pembayang dan maksud pantun.
- Minta murid menjawab soalan pantun.

KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Rasional

BCB – Bacaan Intensif



## Kata Arah

### Panasnya Cuaca



Ibu Zhi Ying menjemur pakaian di luar rumah. Cuaca pada hari itu agak panas. Pakaian akan cepat kering jika terkena cahaya matahari.

1. Pakaian itu dijemur di \_\_\_\_\_ rumah.
2. Ibu meletakkan bakul di \_\_\_\_\_ dinding.
3. Abang memasang kipas angin di \_\_\_\_\_ bilik.



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kata arah.
  - Minta murid menggunakan kata arah dalam ayat.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Kerajinan

# Hebat dan Berguna



Dengar dan sebut ayat.

Hai, Anand! Kamu membaca majalah bahasa atau sains?

## Buku Digital

Majalah Sains, Guan Hong. Dalam majalah ini ada maklumat tentang buku digital.



Buku digital hebat. Buku ini boleh mengeluarkan bunyi dan suara. Buku ini juga senang dibawa ke mana-mana. Kita boleh membacanya sambil berehat.



Simulasikan.

1.1.1(iii)



**Nota Guru**

- Bimbing murid mendengar dan mengecam ayat majmuk.
- Minta murid menyebut ayat majmuk.

KBT : KB – Mengeam  
Nilai : Rasional

BA J2: 6

KP – Interpersonal



## Baca petikan.

### Gunakan dengan Bijak

Sandra gemar menonton televisyen. Dia selalu menonton televisyen dengan keluarganya. Dia menonton televisyen selepas menyiapkan kerja sekolah.

Sandra suka menonton rancangan tentang pendidikan sains. Rancangan itu sangat menarik. Dia mendapat banyak maklumat tentang sains dan teknologi.

Bagi Sandra, televisyen ialah ciptaan sains yang hebat. Televisyen memberikan banyak faedah kepadanya.



#### Isi Petikan

#### Nilai

Sandra selalu menonton televisyen dengan keluarganya.

kasih sayang

Dia menonton televisyen selepas menyiapkan kerja sekolah.



Nyatakan nilai.



**Nota Guru**

- Bimbing murid mengenal pasti nilai daripada petikan.
- Minta murid menyatakan nilai.

KBT : KB – Menakul  
Nilai : Kasih Sayang

BCB – Bacaan Intensif

2.3.1(iv)

BA J2 : 7



## Tulis karangan.

### Tong Sampah Pintar



- secara automatik
- berbau busuk
- tong sampah pintar
- kehidupan manusia

Saya sebagai tong sampah. Saya amat berguna kepada manusia. Setiap hari, manusia membuang sampah ke dalam perut saya.

Saya mempunyai impian. Pada masa akan datang, saya berharap agar manusia dapat mencipta \_\_\_\_\_.

Tong sampah pintar sangat istimewa. Tong sampah ini boleh terbuka \_\_\_\_\_. Tong sampah ini juga boleh menyedut sampah di sekelilingnya. Selain itu, tong sampah ini juga tidak \_\_\_\_\_.

Tong sampah pintar dapat memudahkan \_\_\_\_\_. Tong sampah ini amat sesuai digunakan di rumah.

3.3.1 (ii)



Nota  
Guru

- Bimbing murid menghasilkan karangan berdasarkan gambar.
- Minta murid menulis karangan yang lengkap.

KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Menjaga Kebersihan

BA J2: 8

Konstruktivisme

85



# Seni Bahasa

## Teknologi untuk Kita

Singgah sebentar di pekan Chini,  
 Membeli rebung dan pisang rastali;  
 Telefon pintar inovasi terkini,  
 Kita berhubung mudah sekali.



tinggi di angkasa



membawa penumpang

Pokok berembang di pinggir desa,  
 Di tanah lapang tumbuh kuini;  
 Kapal terbang \_\_\_\_\_,  
 \_\_\_\_\_ ke sana sini.

Ikan kerapu dari seberang,  
 Jual di kota sangatlah laku;  
 Cahaya lampu sungguh \_\_\_\_\_,  
 Mudahnya kita membaca buku.



**Nota Guru**

- Bimbing murid melengkapkan pantun empat kerat berdasarkan gambar dan frasa.
  - Minta murid melafazkan pantun.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan  
 Nilai : Kesukuran



## Kata Tanya

### Ciptaan Hebat

Fendi: Itu buku **apa**?

Sandra: Itu buku tentang inovasi telefon.

Fendi: **Siapakah** pencipta telefon?

Sandra: Pencipta telefon ialah Alexander Graham Bell.

Fendi: **Bilakah** beliau mencipta telefon?

Sandra: Beliau mencipta telefon pada tahun 1876.



1.  yang menelefon kamu tadi?
2. Keistimewaan telefon pintar ?
3.  kamu menelefon Guan Hong?





## Kata Perintah

### Lampu Meja Istimewa

Guan Hong mengikut ayahnya ke pasar raya. Dia ternampak sebuah lampu meja yang istimewa. Bentuk lampu itu sungguh unik. Lampu itu boleh dilipat dan mudah dibawa ke mana-mana. Selain itu, lampu itu boleh menunjukkan tarikh, masa dan bacaan suhu.

Guan Hong amat tertarik. Dia membaca arahan tentang penggunaan lampu itu.


**Bijak Bahasa**

**Kata perintah** ialah perkataan yang bertujuan untuk menimbulkan sesuatu tindak balas terhadap perintah.  
Contoh: sila, tolong, jangan

- **Sila** baca arahan dengan teliti sebelum menggunakan alat ini.
- **Jangan** tukar peralatan lampu ini sesuka hati.



1.  gunakan lampu meja dengan cermatnya.
2.  letak lampu meja di tempat yang sesuai.
3.  petik suis lampu meja dengan tangan yang basah.



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kata perintah.
- Minta murid melengkapkan ayat dengan kata perintah.

KBT : KB – Menghubungkaitkan

Nilai : Patuh

Kontekstual

5.1.4(m)

BA J2 : 11



Dengar dan berikan respons.

### Penyangkut Tisu

Guan Hong, penyangkut baju itu boleh dibuat apa?

Mengapakah kamu mahu membuat alat itu?

Penyangkut baju ini boleh dijadikan penyangkut tisu, Zhi Ying.



Cara membuatnya bagaimana?



Alat itu akan memudahkan saya .

1



\* Minta bantuan daripada orang dewasa untuk membuatnya.

2



3



potong bahagian tengah

masukkan gelung tisu

sangkutkan





## Baca dan nyanyikan.

### Pencipta Terkemuka

Mari adik baca cerita  
Kisah tentang pencipta kita  
Sungguh hebat rakyat Malaysia  
Bijak berfikir bijak mencipta

Zulkifli Haron itulah namanya  
Telah mencipta pelbagai benda  
Hasil ciptaan amat berguna  
Membantu kita membuat kerja

Kalau adik mahu berjaya  
Jadi pencipta terkemuka  
Janganlah adik malas berusaha  
Carilah ilmu setiap masa

(Mengikut melodi lagu  
“Nenek-nenek Si Bongkok Tiga”)



Zulkifli Haron



Mesin Robot Mi




Monotram Kereta Api

- Minta murid membaca lirik dan menyanyikan lagu.  
KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Kerajinan

KP – Muzik

2.3.2(i)

BA J2: 13





## Edit ejaan.

### Pembalut Hadiah

Vimala membeli hadiah untuk hari lahir ibunya. Dia terlupa membeli kertas pembalut hadiah.

Vimala mendapat satu idea. Dia mahu membuat kertas pembalut hadiahnya sendiri. Dia megambil sehelai kertas kusong yang besar. Dia menulis huruf-huruf di atas kertas itu.

Kemudian, Vimala membalut hadiahnya. Dia mewarnakan ucapan “selamat hari lahir ibu” pada pembalut hadiah itu. Vimala sangat kreatif. Ibunya amat gembira.



3.3.2 (i)

Nota Guru

BA J2 : 14



- Bimbing murid mengedit dan memurnikan ejaan.
- Minta murid menulis perkataan yang telah diedit.

KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Kasih Sayang

BCB – Bacaan Intensif

q 1



# Seni Bahasa

## Cipta Hiasan

1



Wahai adik-adik  
Mari kita bekerjasama  
Cipta hiasan cantik  
Guna bahan kitar semula

2



Sudu terpakai dik jangan dibuang  
Kalau dibuang amatlah rugi  
Gunakan akal dik hasilkan barang  
Cipta hiasan cantik sekali

3



Wahai adik-adik  
Mari kita bekerjasama  
Cipta hiasan cantik  
Guna bahan kitar semula

(Mengikut melodi lagu “Pak Ketipak Ketipung”)

q 2



Nota  
Guru

- Minta murid mempersembahkan lagu.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan
- Nilai : Kerajinan

Kontekstual

4.3.3(ii)

BA J2 : 15



### Beg Pintar

Hai, kawan-kawan!  
Saya sebagai beg pintar.

Wah, bergaya  
sungguh! Apakah  
keistimewaan kamu?

Terima kasih. Saya dilengkapi ciri-ciri  
keselamatan. Saya boleh dikunci  
secara digital. Saya juga boleh  
dikesan jika hilang atau dicuri.

Amboi, hebatnya kamu!



### Bijak Bahasa

#### Kata Seru

Contoh: hai, wah, amboi

1. Anand! Kamu apa khabar?
2. cantiknya jam tangan kamu!
3. pandainya murid itu mereka cipta!





## Kata Ganda Penuh

### Mudahnya Mencipta

Amira telah menghasilkan rekaan yang kreatif. Dia telah membuat bingkai gambar dan penanda buku. Dia menggunakan batang aiskrim terpakai.



Batang-batang aiskrim itu diwarnakan dengan warna-warna yang menarik.



Penanda buku ditulis dengan kata-kata yang bermakna.



Gambar-gambar keluarga diletakkan di dalam bingkai gambar.

1. Helmi mendengar \_\_\_\_\_ gurunya dengan teliti.
2. Ayah meletakkan \_\_\_\_\_ kayu di belakang rumah.
3. Zhi Ying menyimpan \_\_\_\_\_ keluarganya di dalam album.
4. Vimala menggunakan \_\_\_\_\_ yang terang dalam lukisannya.



Nota  
Guru

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kata kata ganda penuh.
  - Minta murid menggunakan kata ganda penuh dalam ayat.
- KBT : KB – Mereka Cipta  
Nilai : Kerajinan

5.2.3

BA J2: 17



## Penilaian

### A. Baca dan fahami petikan. Kemudian, nyatakan nilai yang sesuai.

Helmi dan Guan Hong sedang berbincang tentang kerja sekolah mereka. Mereka bantu-membantu untuk menyiapkan kerja tersebut. Tajuk yang dibincangkan adalah tentang alam haiwan.

“Haiwan amat berguna kepada manusia. Kita mendapat makanan seperti daging, susu dan telur daripada haiwan,” kata Helmi.

Helmi dan Guan Hong bersungguh-sungguh untuk menyiapkan kerja mereka. Akhirnya, kerja mereka selesai.

Isi Petikan	Nilai
Mereka bantu-membantu untuk menyiapkan kerja tersebut.	
Helmi dan Guan Hong bersungguh-sungguh menyiapkan kerja mereka.	

### B. Kenal pasti kesalahan ejaan. Kemudian, edit dan murnikan.

Kakak Amira membeli pokok bunga yang cantik. Pokok bunga itu ditanam di dalam pasu kecel. Amira meletakkan pokok bunga itu di dalam setor.

Setiap hari, Amira menyeram pokok bunga itu. Namun, pokok bunga itu semakin layu. Amira berasa hairan.

“Kamu perlu meletakkan pasu bunga itu di tepi tinkel. Setiap tumbuhan memerlukan air, udara dan cahaya matahari untuk hidup,” kata kakak Amira.

### C. Lengkapkan ayat dengan kata seru atau kata perintah yang betul.

1. , hebatnya telefon pintar itu!
2. membazirkan tenaga elektrik.
3. tutup suis kipas angin itu.
4. , adik-adik! Selamat datang ke pameran sains.

- Wah
- Hai
- Jangan
- Tolong





Dengar dan berikan respons.

## Hidangan untuk Tetamu

Keluarga Vimala menyambut perayaan Deepavali. Vimala dan ibunya menyediakan muruku dan ladau untuk tetamu.


Vimala, masukkan kuih ke dalam bekas itu.



Vimala, letakkan kuih itu di atas meja.



Baiklah, ibu. Saya akan memasukkan kuih ke dalam bekas sekarang.



Baiklah, ibu. Saya akan \_\_\_\_\_.



Susun cawan dan piring di atas dulang.



\_\_\_\_\_.







## Baca pantun.

### Pantun Hari Raya

Di tepi paya pohon nira,  
Batang rotan jual di pekan;  
Hari raya hari gembira,  
Mari raikan bersama rakan.

Mengail keli di tepi paya,  
Menjala ikan di hujung tanjung;  
Riang sekali menyambut raya,  
Rakan-rakan datang berkunjung.

Pergi ke pekan membeli baulu,  
Daun bidara jemur di padang;  
Silalah rakan usahlah malu,  
Jamu selera ketupat rendang.



Nyatakan makanan tradisional bersempena dengan sambutan hari raya.



Nota Guru

- Bimbing murid melafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.

KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Kesyukuran

KP – Verbal-linguistik

2.3.2(iii)



## Catat maklumat.

### Yee Sang

Keluarga Zhi Ying mengadakan makan besar untuk menyambut Tahun Baharu Cina. Nenek Zhi Ying menyediakan hidangan Yee Sang.

Yee Sang terdiri daripada ikan mentah, hirisian sayur-sayuran dan keropok rangup. Kesemua ini disusun secara rapi di dalam sebuah pinggan bulat.



Anggota keluarga Zhi Ying berkumpul di meja bulat. Mereka menggaul Yee Sang dengan menggunakan penyepit. Mereka percaya bahawa hidangan ini akan membawa kemakmuran dan kesihatan yang lebih baik.



Mengapakah Yee Sang diangkat tinggi ketika digaul?

3.2.3

BA J2 : 23



- Bimbing murid mencatatkan maklumat dalam Peta Bulatan.
- Minta murid mencari maklumat tentang inti Yee Sang.

KBT : KB – Menghubungkaitkan

Nilai : Kasih Sayang

Kontekstual

qq



# Seni Bahasa

## Rayakan Bersama

Saya sangat suka  
Menyambut hari raya  
Kawan-kawan datang  
Hatiku rasa riang

Oh, kawan semua!  
Sila jamu selera  
Makan ketupat rendang  
Juga kuih dan lemang

Saya sangat suka  
Menyambut hari raya  
Dapat beramah mesra  
Tidak mengira bangsa

(Ulang rangkap kedua)

(Mengikut melodi lagu "Saya Ada Kuda")



Mempersembahkan lagu.





## Kata Dasar

### Selamat Hari Vaisakhi

Vaisakhi hari perayaan bagi masyarakat Sikh.

kata dasar

Mereka yang beragama Sikh merayakan perayaan ini pada 14 April setiap tahun.



#### Bijak Bahasa

**Kata dasar** ialah kata tanpa imbuhan.  
Contoh: masak, agama

#### Info Bahasa

##### Gurdwara

- Pusat ibadat  
masyarakat Sikh

Gurmit Singh dan keluarganya menyambut perayaan Vaisakhi. Sambutan perayaan ini bermula pada awal pagi. Gurmit sekeluarga akan bersempahyang dahulu di rumah.

Selepas itu, ayah Gurmit membawa keluarganya ke gurdwara. Mereka membantu menyediakan makanan ruji masyarakat Sikh, iaitu capati, kuah dal dan bubur manis. Kemudian, mereka menyertai upacara sembahyang di dewan sembahyang. Suasana pada hari itu sungguh meriah.



Menyatakan kata dasar.

5.2.1(i)



Nota  
Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata dasar.
- KBT : KB – Mengcam  
Nilai : Kerjasama

BA J2: 25

Konstruktivisme

# Hargailah Seni

Dengar dan sebut.

Taici

Amira, Anand, ini senaman taici. Ayah saya selalu melakukan senaman ini.

Pergerakan taici adalah perlahan. Senaman ini digemari kerana mudah dilakukan.

Betul, Amira. Pergerakannya memang lembut tetapi perlu dilakukan dengan betul.

Senaman ini juga dapat merehatkan badan dan fikiran. Mari kita belajar senaman ini.

Saya pun ingin belajar senaman ini.

- Bimbing murid mengecam ayat majmuk.
  - Minta murid menyebut ayat majmuk dengan betul dan tepat.
- KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Menjaga Kesihatan
- KP – Verbal-linguistik

1.1.1(iii)

BA J2 : 26



## Baca dan fahami.

### Seni Sulaman

Sulaman merupakan seni kreatif. Sulaman dibuat menggunakan tangan atau mesin.

Sulaman digunakan sebagai hiasan tambahan pada pakaian. Sulaman dapat menambahkan kecantikan baju kurung dan baju kebaya.

Kebaya nyonya mempunyai sulaman yang cantik. Corak-corak unik disulam pada bahagian tangan dan bawah baju. Pakaian ini selalu dipakai dalam majlis perkahwinan dan perayaan.



Nyatakan corak-corak yang disulam pada pakaian.

2.3.2(iv)

BA J2 : 27

Nota Guru



- Bimbing murid membaca petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

KBT : KB – Mencirikan  
Nilai : Menghargai

BCB – Bacaan Mekanis

103



Tulis karangan.

## Bakul Siya



menyimpan buah tangan

masyarakat di Melaka

Bakul siya diperbuat daripada buluh atau kayu. Bakul ini dibalut dengan kertas tebal atau kulit.

Bakul siya sering digunakan oleh \_\_\_\_\_.  
Mereka menggunakan bakul ini untuk \_\_\_\_\_.  
Bakul ini juga sesuai dijadikan \_\_\_\_\_.

Bakul siya amat digemari oleh kaum wanita. Pada musim perayaan, bakul ini sering dijadikan hadiah kepada saudara-mara.





## Seni Bahasa

### Rumah Baharu Bayan

Enggang datang ke rumah baharu Bayan. Rumah itu berbentuk rumah tradisional Melayu. Enggang memuji kecantikan rumah Bayan.



Enggang berasa kagum apabila melihat rumah Bayan yang cantik dan unik.



Persembahkan cerita.

4.3.2(i)

BA J2: 29



Nota Guru

- Bimbing murid bercerita.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan
- Nilai : Keberanian

KP – Verbal-linguistik

105



## Kata Tunggal

### Seni Seramik

Nenek Zhi Ying mempunyai banyak barang seramik. Barang seramik diperbuat daripada tanah liat.



### Bijak Bahasa

#### Kata Tunggal

Contoh: cat, krim, ambil, suara, suka



Corak bunga pada pasu dan set bekas minuman seramik sangat cantik. Nenek menggunakan barang seramik dengan cermatnya. Beliau menyimpan barang seramik itu di dalam almari khas.



Mengapakah nenek menyimpan barang seramik di dalam almari khas?



Kenal pasti kata tunggal.



**Nota Guru**

- Bimbing murid mengenal pasti kata tunggal.
- Minta murid menyatakan kata tunggal.

KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Menghargai



## Kata Perintah

### Alat Muzik Tradisional

Sandra mengikut keluarganya melawat ke muzium. Terdapat pelbagai alat muzik tradisional dipamerkan di muzium itu. Antaranya termasuklah gendang Cina.

Sandra membaca maklumat tentang alat muzik tersebut. Dia juga membaca arahan yang dikeluarkan oleh pihak muzium.

- **Minta** berikan kerjasama kepada pihak muzium.
- **Sila** patuhi segala peraturan yang telah ditetapkan.
- **Jangan** sentuh atau memainkan alat muzik tanpa kebenaran.



#### Gendang Cina

- alat muzik pukul
- mengiringi tarian singa
- dipukul dengan menggunakan dua batang pemukul

1. duduk di barisan hadapan.
2. lupa akan seni muzik tradisional kita.
3. gunakan alat muzik itu dengan cermatnya.

5.1.4(v)

BA J2 : 31



- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kata perintah.
- Minta murid menggunakan kata perintah dalam ayat.

KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Menghargai

Kontekstual



Dengar dan berikan respons.

### Saya Berbudi Bahasa

#### Situasi 1

Anand, tolong tampal poster kempen budi bahasa ini pada papan kenyataan.

Baiklah, cikgu. Saya akan menampalkan poster ini pada papan kenyataan.



#### Situasi 2

Anand, minta lafazkan pantun ini untuk saya.

#### PANTUN BUDI BAHASA

Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang tiga;  
Hancur badan dikandung tanah,  
Budi yang baik dikenang juga.



**Nota Guru**

- Bimbing murid memberikan respons terhadap permintaan.
- Minta murid membuat simulasi.

KBT : KB – Menghubungkaikan  
Nilai : Berhemah Tinggi

KP – Verbal-linguistik

1.1.2(iv)

BA J2: 32



## Baca cerita.

### Budi Pekerti

Hari ini Sandra datang awal ke sekolah. Dia melihat Cikgu Wong membawa banyak buku. Sandra segera menghampiri Cikgu Wong.



“Selamat pagi, cikgu. Bolehkah saya tolong bawakan sebahagian daripada buku ini?” tanya Sandra.  
“Terima kasih, Sandra,” kata Cikgu Wong.

Sandra mengetuk pintu sebelum masuk ke bilik guru. Dia meletakkan buku itu di atas meja Cikgu Wong. Sandra berasa gembira kerana dapat membantu gurunya.



Pernahkah kamu membantu guru kamu? Bagaimana?



2.3.2(ii)

BA J2: 33



- Bimbing murid membaca cerita.
  - Minta murid mempersempahkan cerita.
- KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Berhemah Tinggi

KP – Verbal-linguistik

109



Edit tanda baca.

## Mari Membantu

Anand dan Fendi berjalan menuju ke padang. Mereka ternampak Cikgu Devan. Beliau sedang mengutip gelung pundi kacang dan bola di tepi padang. Anand dan Fendi segera membantu Cikgu Devan. Cikgu Devan mengucapkan terima kasih kepada Anand dan Fendi.



cikgu tan muh membawa peralatan sukan ke bilik sukan, Beliau meminta bantuan murid-muridnya. Guan Hong dan Sandra menolong cikgu tan membawa bola, gelung dan jaring ke bilik sukan. mereka menyusun peralatan itu dengan kemas.



Nota  
Guru

● Bimbing murid mengedit tanda baca dan memurnikan teks.

● Minta murid menulis teks yang telah diedit dan dimurni.

KBT : KB – Menganalisis

KP – Verbal-linguistik

Nilai : Menjaga Keselamatan

3.3.2(ii)

BA J2 : 34



# Seni Bahasa

## Budi Baik

Kasih sayang hei  
Kasih sayang sayang hei  
Hei lihat budi baik  
Rasa kasih sayang hei

Pulau Pandan jauh ke tengah  
Gunung Daik bercabang tiga  
Hancur badan dikandung tanah  
Budi baik dikenang juga

Kasih sayang hei  
Kasih sayang sayang hei  
Hei lihat budi baik  
Rasa kasih sayang hei

Pisang emas dibawa belayar  
Masak sebiji di atas peti  
Hutang emas boleh dibayar  
Hutang budi dibawa mati.

(Mengikut melodi lagu "Rasa Sayang")

4.3.3(ii)

Nota Guru

- Bimbing murid mempersembahkan lagu.  
KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Berhemah Tinggi

BA J2: 35

KP – Muzik

111



## Kata Berimbuhan Awalan

### Amalan Mulia



Amalan **berbudi** bahasa merupakan amalan yang mulia. Amalan ini **membawa** kebaikan kepada kita.

Kita hendaklah bersopan ketika berbual. Janganlah kita bersikap kasar atau sompong.

Kita juga hendaklah membantu orang dengan ikhlasnya. Kita tidak boleh meminta apa-apa balasan daripada orang yang kita bantu.



#### Bijak Bahasa

##### Kata Berimbuhan Awalan

Contoh:

**meN-**

membantu

**beR-**

bermain



- Bimbing murid mengenal pasti penggunaan kata berimbuhan awalan dalam ayat.
  - Minta murid melengkapkan Peta Bulatan.
- KBT : KB – Menghubungkaikan  
Nilai : Berbudi Bahasa



## Kata Majmuk

### Terima Kasih, Cikgu.

Hari ini **hari guru**. Zhi Ying menulis perkataan “Selamat Hari Guru” pada **papan tulis**. Murid-murid membawa hadiah untuk Cikgu Wong. Beliau **guru kelas** mereka.



### Bijak Bahasa

#### Kata Majmuk

Contoh: tengah hari, kereta api, terima kasih, kapal terbang

Amira meletakkan sebiji kek di atas meja guru. Apabila Cikgu Wong masuk ke bilik darjah, mereka memberi Cikgu Wong hadiah. Mereka juga mengucapkan "Selamat Hari Guru".

Cikgu Wong berasa sangat gembira. Beliau mengucapkan terima kasih kepada murid-muridnya.



Kenal pasti kata majmuk.

5.2.2

BA J2 : 37



Nota  
Guru

- Bimbing murid mengenal pasti penggunaan kata majmuk dalam ayat.
- Minta murid menyenaraikan kata majmuk.

KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Menghargai

Kontekstual

113




## Penilaian

### A. Baca petikan. Kemudian, catat maklumat dalam Peta Buih Berganda.

Tik tok sejenis alat muzik. Tik tok diperbuat daripada kayu. Tik tok mempunyai pemegang dan sebatang pengetuk. Tik tok menghasilkan bunyi apabila diketuk pada bahagian kanan atau kiri.



Kerincing diperbuat daripada besi dan berbentuk segi tiga. Kerincing mempunyai sebatang pengetuk besi. Pemegang kerincing merupakan seutas tali pendek yang diikat pada bucunya. Apabila diketuk, kerincing menghasilkan bunyi yang nyaring.



### B. Bina ayat penyata berdasarkan gambar dan kata majmuk.



alat muzik



baju kebaya



TEMA  
7

# SAYANGI MALAYSIA



Minta murid bertutur dengan guru tentang gambar.

# Cintailah Bahasa Kita

Dengar dan berikan respons.

## Minggu Bahasa Melayu



### Minggu Bahasa Melayu

Tujuan: Meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu

- Aktiviti:
- Kuiz Bahasa
  - Bijak Peribahasa
  - Permainan Bahasa
  - Pertandingan Bercerita

Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan Kita

Mengapakah program Minggu Bahasa Melayu diadakan di sekolah kita?

Mengapakah kita perlu mahir berbahasa Melayu?

Program ini diadakan supaya murid-murid mahir berbahasa Melayu.

Kita perlu mahir berbahasa Melayu kerana \_\_\_\_\_.



Bagaimanakah program ini dapat membantu kita?



Nota  
Guru

- Bimbing murid bertutur dan memberikan respons terhadap soalan bercaphap.
  - Minta murid membuat simulasii.
- KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Patriotisme

1.1.3(i)

KP – Interpersonal

BA J2: 43



## Baca dan fahami.

### Tahniah, Guan Hong!

Guan Hong suka membaca buku cerita. Dia mempunyai banyak buku cerita berbahasa Melayu.



Cikgu Wong telah memilih Guan Hong untuk menyertai pertandingan bercerita. Guan Hong sangat gembira. Dia berlatih dengan tekunnya.



Guan Hong memilih cerita tentang wira negara. Wira itu berjuang demi negaranya.



Persembahan Guan Hong hebat. Dia menyampaikan ceritanya dengan lancar. Dia telah berjaya menjadi johan.

Isi Petikan	Isi Tersirat
Guan Hong mempunyai banyak buku cerita bahasa Melayu.	Guan Hong meminati bahasa Melayu.
Dia berlatih dengan tekun.	_____
_____	_____

2.2.1(iii)

BA J2: 44



- Bimbing murid mengenal pasti isi tersirat berdasarkan petikan dan gambar.


KBT : KB – Menaakul  
Nilai : Kerajinan

BCB – Bacaan Intensif



## Tulis jawapan.

### Permainan Bahasa



Zhi Ying suka bermain permainan bahasa. Permainan itu amat menyeronokkan. Zhi Ying selalu bermain permainan itu dengan kawan-kawannya.

Permainan bahasa amat berfaedah. Permainan itu telah meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu Zhi Ying. Sejak bermain permainan itu, kosa kata Zhi Ying bertambah.

Zhi Ying berasa sangat gembira. Dia dapat bermain sambil belajar.

1. Zhi Ying suka bermain permainan bahasa mengapa?
2. Mengapakah permainan bahasa berfaedah kepada Zhi Ying?
3. Bagaimanakah permainan itu dapat meningkatkan kemahiran bahasa Melayu Zhi Ying?



**Nota Guru**

- Bimbing murid membina jawapan dengan berdasarkan soalan bercapah.
  - Minta murid menulis jawapan yang betul.
- KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Cinta akan Negara



# Seni Bahasa

## Udin yang Hebat

Fendi suka menonton rancangan kartun berbahasa Melayu. Pada suatu hari, dia menonton cerita kartun tentang “Udin yang Hebat”.



Udin sangat hebat. Dia berlari pantas macam kilat.



Udin mahu menyertai pertandingan lumba lari. Dia berlatih setiap hari. Dia rajin macam semut.

Kawan-kawan Udin berasa kagum. Udin mempunyai bakat luar biasa.



Pada hari perlumbaan, banyak peserta mengambil bahagian. Ada yang tinggi macam galah. Ada yang besar macam gajah. Ada pula yang kurus macam lidi.



Usaha Udin tidak sia-sia. Dia berjaya menjadi juara.

4.1.1(i)



**Nota Guru**

● Bimbing murid bercerita dan menuturkan dialog.

KBT : KB – Menghubungkaitkan

Nilai : Patriotisme

KP – Verbal-linguistik

BA J2 : 46

119



## Kata Ganda Separa

### Kamus Bahasa Melayu

Adik Vimala telah menyertai pertandingan mewarna Jalur Gemilang. Dia telah berjaya menjadi johan. Dia menerima sebuah kamus bergambar bahasa Melayu sebagai hadiah. Dia berasa sangat gembira. Dia menggunakan kamus itu untuk mempelajari perkataan bahasa Melayu.



### Bijak Bahasa

#### Kata Ganda Separa

Contoh: bebola, cecair, lelabah

1. Bulu \_\_\_\_\_ itu berwarna putih dan sangat tebal.
2. Seekor \_\_\_\_\_ sedang merangkak di tebing sungai.
3. Narin ternampak beberapa ekor \_\_\_\_\_ di dalam pasu itu.



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti kata ganda separa.
  - Minta murid menggunakan kata ganda separa dalam ayat.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Cinta akan Negara

5.2.3

BA J2: 47



Dengar dan berikan respons.

### Bercuti di Pulau Redang

Keluarga Amira mahu bercuti ke Pulau Redang. Mereka membuat persediaan sebelum pergi bercuti.

Amira, jangan lupa bawa peralatan yang sesuai untuk aktiviti di pulau.

Baiklah, ibu. Saya akan membawa baju mandi, gogal dan pelampung.



Pemandangan di Pulau Redang sungguh indah. Pantainya bersih dan air lautnya jernih.





## Baca dan kenal pasti.

### Kisah Anak Helang

Nilai: kasih sayang



Ibu helang dan anaknya tinggal di atas sebatang pokok. **Setiap hari, ibu helang mencari makanan untuk anaknya.**



Anak helang semakin membesar. Pada suatu hari, ibu helang mengajar anaknya terbang.

Nilai:



Anak helang terbang dengan berhati-hati. Dia melihat hutan, sungai dan bukit. Negaranya indah. Dia sayang akan negaranya.

Nilai:



Ibu helang sentiasa menjaga keselamatan anaknya. Akhirnya, kedua-dua ekor helang selamat pulang ke sarang.

Nilai:

- Bimbing murid mengenal pasti nilai berdasarkan cerita.
  - Minta murid menyatakan nilai daripada cerita.
- KBT : KB – Menakul  
Nilai : Kasih Sayang

BCB – Bacaan Intensif

2.3.1.(ii)

BA J2: 49





Catat maklumat.

## Indahnya Sabah

Banyak orang suka melancong ke negeri Sabah. Di sana, ada banyak tempat yang menarik dan indah. Contohnya, Kundasang dan Pulau Mabul.

Tanah tinggi Kundasang terletak di kaki Gunung Kinabalu. Udara di sana sungguh segar dan nyaman. Sayur-sayuran dan buah-buahan yang ditanam di situ juga hidup subur.

Pulau Mabul pula terletak berhampiran dengan Semporna. Pulau ini sangat indah dan air lautnya sungguh jernih. Terdapat pelbagai jenis batu karang di dasar laut. Para pelancong suka berkunjung ke pulau ini untuk menyelam.

### Tempat-tempat Menarik di Sabah

Kundasang



Pulau Mabul



3.2.3

BA J2 : 50

Nota  
Guru

- Bimbang murid mengenal pasti maklumat.
  - Minta murid mencatat maklumat dengan menggunakan Peta Pokok.
- KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Menghargai

Kontekstual

1 2 3



## Seni Bahasa

### Kunjungi Sarawak



Anak biawak di bawah titi,  
Dari seberang lari ke tanjung;  
Negeri Sarawak memikat hati,  
Banyak orang datang berkunjung.

Di tepi sungai mengail ikan,  
Mengail toman dan juga kelah;  
Pantai Bungai menjadi tarikan,  
Udara nyaman tempat berkelah.

Bunga kantan di dalam raga,  
Dibawa dara pergi ke pekan;  
Kawasan hutan kekal diaga,  
Taman negara menjadi tarikan.



Pantai Bungai



Taman Negara  
Gunung Gading





## Pola Ayat

### Kenali Negeri Sembilan



Encik Amir pemandu teksi.  
Beliau tinggal di Negeri Sembilan.

Encik Amir membawa para pelancong. Mereka ke Hutan Lipur Ulu Bendul.



Hutan Lipur Ulu Bendul sangat indah.  
Air sungainya jernih dan sejuk.

Para pelancong amat gembira.  
Mereka suka berkunjung  
ke Negeri Sembilan.



### Bijak Bahasa

#### Pola Ayat

- Frasa Nama+Frasa Nama
- Frasa Nama+Frasa Adjektif
- Frasa Nama+Frasa Kerja
- Frasa Nama+Frasa Sendi Nama

5.3.1(i)

BA J2: 52

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti pola ayat.
- Minta murid menulis ayat semula.

KBT : KB – Mengepam  
Nilai : Cinta akan Negara

Kontekstual

125



## Ayat Penyata

### Kampung Indah



Helmi suka pulang ke kampung. Nama kampungnya Kampung Indah. Kampungnya di negeri Kedah.

Kampung Helmi sungguh istimewa. Kampungnya terletak di kawasan sawah padi. Pemandangan di kampungnya sangat indah.

Kampungnya juga tidak jauh dari tempat-tempat pelancongan yang menarik. Helmi selalu berkunjung ke tempat-tempat itu. Lihatlah gambar-gambar ini. Wah, indahnya!



Air Terjun Seri Perigi



Pantai Murni



Gunung Jerai



Apakah keistimewaan kampung kamu?



Nota  
Guru

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti ayat penyata.
- Minta murid bercerita dengan menggunakan ayat penyata.

KBT : KB – Mengemam

Nilai : Menghargai Alam Sekitar

Kontekstual  
Ilmu – Pendidikan Alam Sekitar

5.3.1(ii)

BA J2: 53



Tutur dan jelaskan.

### Bunga Kebangsaan

Pada suatu petang, Anand dan Guan Hong sedang berjalan di taman. Mereka ditemani oleh ibu bapa. Anand ternampak banyak pokok bunga di situ. Terdapat maklumat tentang bunga itu. Anand dan Guan Hong membaca maklumat pada papan yang digantungkan di situ.

Guan Hong, cantik sungguh bunga itu.

Mari kita baca maklumat ini, Guan Hong.

Ya, Anand. Bunga itu sangat cantik.

Baik, Anand.

#### bunga raya

- berwarna merah
- mempunyai lima kelopak
- Bunga Kebangsaan



## Baca dan persembahkan.

### Lagu Kebangsaan

Tahukah kamu lagu kebangsaan negara kita? Lagu kebangsaan negara kita ialah “Negaraku”.

Lagu “Negaraku” dapat menimbulkan semangat cinta akan negara. Lagu ini dinyanyikan oleh murid-murid semasa perhimpunan sekolah.

Kita mestilah menghormati lagu kebangsaan. Kita perlulah berdiri tegak semasa menyanyikan lagu ini. Kita juga hendaklah menyanyikan lagu ini dengan penuh semangat.






## Tulis karangan.

### Bandar Bersejarah

Pada cuti sekolah, Helmi dan keluarganya pergi ke Melaka Bandaraya Bersejarah. Mereka mahu melawat ke tempat-tempat yang menarik di sana.

Semasa di sana, mereka ke  . Kota ini dibina oleh orang Portugis. Mereka juga menaiki  . Mereka dapat melihat keindahan bandar raya Melaka. Seterusnya,  .

Helmi pulang dengan gembiranya. Perasaan cinta akan negaranya makin bertambah.



#### Petunjuk:



Kota A' Famosa



Taman Mini Malaysia



rumah tradisional



Menara Taming Sari

3.3.1(ii)

BA J2: 56



- Bimbing murid menulis karangan.
  - Minta murid menulis karangan jenis cerita.
- KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Cinta akan Negara

Kontekstual

129



## Seni Bahasa

### Malaysia Harmoni



Naik kereta pulang ke desa,  
 → Singgah di sini membeli madu;  
 Masyarakat kita berbilang bangsa,  
 → Hidup harmoni bersatu padu.



Burung jentayu di pohon sena  
 Burung merpati hinggap di batu  
 Kaum Melayu, India dan Cina  
 Bersatu hati bantu-membantu



Cuaca redup nyaman terasa  
 Dara jelita menjemur baju  
 Rakyat hidup dengan selesa  
 Negara kita bertambah maju



- Bimbing murid mengenal pasti format penulisan pantun.
- Minta murid menulis pantun mengikut formatnya.



## Merdeka!



# TUNKU ABDUL RAHMAN

Bijak Bahasa

Ayat Tanya

Nama bangunan itu apa?

Helmi: Hai, Fiza! Buku yang kamu baca apa?

Fiza: Saya membaca buku tentang tokoh kemerdekaan negara.

Helmi: Siapakah tokoh dalam gambar itu?

Fiza: Tunku Abdul Rahman ialah tokoh dalam gambar itu. Beliau ialah Bapa Kemerdekaan.

Helmi: Beliau dilahirkan di mana?

Fiza: Beliau dilahirkan di Alor Setar, Kedah.

Helmi: Negara kita merdeka bila?

Fiza: Negara kita merdeka pada 31 Ogos 1957.

5.3.1(iii)

BA J2 : 58



Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti ayat tanya dengan kata tanya.

- Minta murid menyatakan ayat tanya.

KBT : KB – Mengecam

Nilai : Cinta akan Negara

Kontekstual



## Ayat Perintah

### Semangat Patriotik



Sekolah Amira akan mengadakan sambutan Hari Kebangsaan peringkat sekolah. Murid diminta menghias bilik darjah masing-masing.

Cikgu Wong: **Sila ambil perhatian.** Tolong bawa Jalur Gemilang kecil ke sekolah esok.

Amira: Kita mahu buat apa dengan bendera itu, cikgu?

Cikgu Wong: Kita akan menghias kelas dengan menggunakan bendera itu. Kita perlu menunjukkan semangat patriotik kepada negara.

Zhi Ying: Cikgu, bolehkah saya membuat kolaj bendera?

Cikgu Wong: Boleh, Zhi Ying. Jangan lupa bawa kertas warna, gam dan gunting.

Zhi Ying: Baiklah, cikgu.



- Bimbing murid memahami dan mengenal pasti ayat perintah.
- Minta murid menyatakan ayat perintah.

KBT : KB – Mengemac  
Nilai : Patriotisme


Konstruktivisme

5.3.1(iv)

BA J2 : 59

### A. Fahami pesanan. Kemudian, berikan respons yang sesuai.


Bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan, sekolah kita akan menganjurkan pelbagai aktiviti bahasa. Kamu perlulah memberikan sokongan.



### B. Catat maklumat tentang Malaysia.

Yi Wen sepupu Zhi Ying. Dia tinggal di Ipoh, Perak. Dia dan keluarganya suka melancong.

Yi Wen sekeluarga suka melancong dalam negara. Bagi mereka, Malaysia sangat istimewa. Malaysia mempunyai banyak tempat yang menarik. Antaranya, Pulau Sipadan, Pulau Tioman, Taman Negara Bako dan Cameron Highlands. Pemandangan di Malaysia sangat indah. Udaranya pula segar dan nyaman. Selain itu, Malaysia aman dan maju.



### C. Lengkapkan ayat penyata berdasarkan maklumat dan gambar.

1. Bunga kebangsaan \_\_\_\_\_.
2. Nama bendera \_\_\_\_\_.
3. Ibu negara Malaysia \_\_\_\_\_.



Kuala Lumpur



Jalur Gemilang



bunga raya





Dengar dan berikan respons.

### Wang Belanja



Puan Arina: Sandra, ini wang belanja dan bekal kamu.

Sandra: Terima kasih, ibu.

Puan Arina: Simpan wang ini di dalam beg duit.

Sandra: Baiklah, ibu. Saya akan menyimpannya di dalam beg duit supaya .

Puan Arina: Berbelanjalah dengan cermat di sekolah, Sandra.

Sandra: Baiklah, ibu. Saya .

Puan Arina: Bagus, Sandra. Sikap menyimpan baik untuk masa hadapan kamu.



Lakonkan.

1.1.3(ii)

BA J2: 63



Nota  
Guru

- Bimbing murid mendengar dan memberikan respons.
- Minta murid membuat simulasi.

KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Berjimat Cermat

KP-Verbal-linguistik




## Baca dan fahami.

### Rancang Belanja

Helmi ada sebuah tabung. Tabung itu masih belum penuh lagi. Wang simpanan Helmi masih belum banyak. Helmi berfikir tentang cara untuk menambah wang simpanannya.

Dia merancang perbelanjaan pada setiap hari. Ayah memberi Helmi wang belanja RM3.00. Jika Helmi mahu menambahkan wang simpanannya, dia perlu berjimat cermat. Dia perlu memasukkan baki wang belanjanya ke dalam tabung.



1. Mengapa Helmi perlu berjimat cermat?
2. Berapakah baki wang yang disimpan oleh Helmi?



Nyatakan cara kamu berjimat cermat dalam perbelanjaan.



Nota  
Guru

- Bimbing murid menjawab soalan.  
KBT : KB – Menjanjakan Idea  
Nilai : Rasional

BCB – Bacaan Intensif

2.1.2(iii)



Tulis jawapan.

## Berbelanja di Kantin



Harga makanan di kantin murah.  
Amira membeli mihun goreng. Zhi Ying  
membeli sandwic telur.

Amira dan Zhi Ying tidak  
menghabiskan wang mereka.  
Mereka menyimpan baki wang  
di dalam beg duit.



1. Apakah yang dibeli oleh Amira?
2. Siapakah yang membeli sandwic telur?
3. Harga sepinggan mihun goreng berapa?
4. Amira dan Zhi Ying menyimpan baki wang mereka di mana?

3.2.2(i)

BA J2 : 65



- Bimbing murid membina jawapan.
  - Minta murid menulis jawapan.
- KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Berjimat Cermat

Konstruktivisme



# Seni Bahasa

## Wang Kami

Pokok ara tinggi menggalah,  
Buah-buahnya kecil sahaja;  
Sebelum Amira pergi ke ,  
Ayah memberinya wang belanja.



Ke hujung desa mencari tali,  
Terpijak duri aduh sakitnya;  
Guan Hong berasa gembira sekali,  
 diberi oleh ibunya.



Anak dara turun ke ,  
Berbaju kebaya cantik berseri;  
Di rumah saudara bersalam-salaman,  
 raya tak lupa diberi.



- Bimbing murid mencipta pantun berdasarkan gambar.
- Minta murid melaafazkan pantun.

KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Kasih Sayang

KP – Verbal-linguistik

4.3.1(ii)

BA J2 : 66



## Mata Wang Malaysia

Zhi Ying suka berjimat. Dia menabung setiap hari. Tabungnya sudah penuh.

Zhi Ying membuka tabungnya. Dia mengeluarkan wang lalu mengira jumlahnya. Banyak duit syiling dan wang kertas di dalamnya.



Ini duit syiling dua puluh sen.

Ini duit syiling lima puluh sen.



Ini wang kertas lima ringgit.

Ini wang kertas satu ringgit.

Setelah selesai mengira wang, Zhi Ying mencatat jumlah wang simpanannya. Wang simpanannya berjumlah RM30.00.



### Bijak Bahasa

#### Ayat Dasar

Contoh: Zhi Ying suka menabung.

# Rajin Berusaha

Tutur dan jelaskan.

## Doktor Nandran

Selamat pagi, Anand.

Anand, kamu sudah membaca kisah kejayaan Doktor Nandran?

Kita perlu mencontohi sikap beliau.

Benar, Helmi.

- meminati bidang perubatan sejak kecil
- rajin berusaha
- bercita-cita tinggi

Selamat pagi, Helmi.

Sudah, Helmi. Beliau sangat hebat.

Beliau berjaya kerana \_\_\_\_\_

Jika kita mahu berjaya \_\_\_\_\_

Lakonkan.

- Bimbing murid bertutur tentang bahan.
- Minta murid membuat simulasii.

KBT : KB – Menghubungkaitkan  
Nilai : Kerajinan

1.2.1

KP – Verbal-linguistik

BA J2 : 68



## Baca dan fahami.

### Kedai Jam Tik Tok

Ayah Zhi Ying mempunyai sebuah kedai jam. Nama kedai jam beliau ialah Kedai Jam Tik Tok.

Pelanggan suka membeli jam di kedai itu. Ayah Zhi Ying melayan mereka dengan mesranya. Ayah Zhi Ying juga sangat mahir membaiki jam. Selain itu, terdapat pelbagai jenis jam yang dijual di kedai itu. Harganya pula berpatutan.

Ayah Zhi Ying sangat rajin. Beliau sentiasa berusaha untuk memajukan kedai jamnya. Perniagaannya semakin maju.



Nyatakan sebab pelanggan suka membeli jam di Kedai Jam Tik Tok. 

2.2.1(ii)

BA J2: 69



- Bimbing murid memahami petikan.
  - Minta murid menyatakan isi tersurat.
- KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Kerajinan

BCB – Bacaan Intensif



Tulis jawapan.

## Bijak Matematik

Fendi amat meminati matematik. Dia suka belajar Matematik di sekolah. Dia juga rajin membuat latihan Matematik di rumah.

Ibu bapanya selalu menggalakkan minat Fendi. Mereka membeli banyak buku latihan Matematik. Fendi semakin mahir dalam mata pelajaran itu.

Pada masa hadapan, Fendi boleh memilih pekerjaan yang bersesuaian. Masa hadapannya menjadi cerah.



akauntan



guru



peniaga

1. Mengapakah ibu bapa Fendi menggalakkan minat anaknya itu? 
2. Bagaimanakah ibu bapa Fendi menggalakkan minat anak mereka? 
3. Masa hadapan seseorang yang bijak matematik bagaimana? 



Nota  
Guru

- Bimbing murid menjawab soalan bercapah.
  - Minta murid menulis jawapan.
- KBT : KB –Menjanakan Idea  
Nilai : Rasional



## Seni Bahasa

### Pak Pandir di Kedai Runcit



Pak Hasan mempunyai sebuah kedai runcit. Kedainya sangat maju. Setiap hari, kedainya dikunjungi pelanggan. Antara pelanggannya termasuklah Pak Pandir.

Pada suatu malam, selepas menutup kedainya Pak Hasan pulang ke rumah. Tiba-tiba, telefon rumahnya berdering-dering.

Pak Hasan: Helo, siapa di sana?

Pak Pandir: Helo, Pak Hasan. Saya Pak Pandir. Saya ingin bertanya. Pukul berapakah kedai Pak Hasan dibuka esok?

Pak Hasan: Oh, Pak Pandir! Kedai saya dibuka pada pukul 7:00 pagi.

Pak Pandir: Bolehkah Pak Hasan buka kedai lebih awal?

Pak Hasan: Tidak boleh, Pak Pandir.

Pak Pandir: Tolonglah buka kedai lebih awal, Pak Hasan.

Pak Hasan: Mengapakah kamu tidak sabar-sabar hendak masuk ke kedai saya, Pak Pandir?

Pak Pandir: Saya bukannya mahu masuk tetapi saya mahu keluar.

4.3.2(ii)

Nota Guru

- Bimbing murid mempersempahkan cerita.
- KBT : KB – Menghubungkaitkan
- Nilai : Kerjiran

BA J2 : 71

KP – Verbal-linguistik



## Ayat Tunggal

### Cadar Buatan Nenek

Nenek Sandra pandai menjahit cadar. Beliau menjahit cadar daripada perca kain.

Sandra suka melihat neneknya menjahit cadar. Dia mahu mempelajari kemahiran itu. Cadar buatan neneknya mempunyai corak yang cantik dan berwarna-warni. Cadar itu juga selesa digunakan.



Nenek Sandra menjahit cadar untuk keluarga Sandra dan saudara-mara. Mereka dapat menjimatkan perbelanjaan. Nenek Sandra juga menjual cadar kepada jiran-jiran dan kawan-kawannya. Beliau memperoleh pendapatan daripada jualan itu.



Senaraikan ayat tunggal.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_



### Bijak Bahasa

#### Ayat Tunggal

Contoh: Baju itu cantik.



Nota  
Guru

- Bimbing murid mengenal pasti penggunaan ayat tunggal.
- Minta murid menyebut ayat tunggal.

KBT : KB – Mengemam  
Nilai : Berjimat Cermat

KP – Verbal-linguistik

5.3.2(ii)

BA J2 : 72



### Ternakan Datuk

Datuk Helmi mempunyai haiwan ternakan. Beliau menternak kambing dan lembu. Haiwan ini diternak untuk dijual. Banyak orang membeli hasil ternakan beliau.



#### Bijak Bahasa

##### Ayat Majmuk

Contoh: Helmi dan Anand sangat rajin.

Apabila pulang ke kampung, Helmi suka melihat datuknya bekerja. Datuknya bekerja dengan rajin dan bersungguh-sungguh. Beliau menjaga ternakannya dengan baik supaya haiwan-haiwan itu sihat.

Datuk Helmi menjual susu dan daging ternakannya di pasar. Beliau berasa sangat gembira kerana hasil ternakannya laris dijual.

5.3.2(iii)



Nota Guru

BA J2 : 73

- Bimbing murid mengenal pasti penggunaan ayat majmuk.
- Minta murid menyebut ayat majmuk.

KBT : KB – Mengecam  
Nilai : Kerajinan

Kontekstual

145

# BIJAK BERBELANJA





## Baca dan fahami.

### Kasut Sama Harga Berbeza

Kedai Kasut Selesa



Kedai Kasut Kawan



Anand mahu membeli kasut sekolah. Dia dan ayahnya pergi ke Kedai Kasut Selesa. Kasut yang mahu dibelinya berharga RM35.00 sepasang.

Kemudian, Anand pergi ke Kedai Kasut Kawan. Kedai kasut itu menjual pelbagai jenis kasut. Kasut tersusun kemas di atas rak. Banyak pelanggan yang datang ke situ.

Kasut sekolah yang mahu dibeli oleh Anand ada dijual di situ. Harganya RM30.00 sepasang. Anand meminta ayahnya membeli kasut itu.

Isi Cerita	Isi Tersirat
Anand membeli kasut sekolah di Kedai Kasut Kawan.	
Banyak pelanggan mengunjungi Kedai Kasut Kawan.	

2.2.1(iii)

BA J2 : 75

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti isi tersirat berdasarkan cerita.
- Minta murid menyatakan isi tersirat.

KBT : KB – Menjanakan Idea  
Nilai : Rasional

BCB – Bacaan Intensif



## Edit dan murnikan.

### Pembeli Bijak

Amira dan ibunya pergi ke kedai alat tulis. **Mereka** pergi ke Kedai Alat Tulis Muhibah. Kedai itu terletak di **hadapan** Pasar Raya Murni.

Amira mahu membeli pensel warna. Dia membuat pilihan yang **bijak**. Dia membeli pensel warna yang bermutu **dan** murah harganya.



Sandra dan ayahnya mahu membeli buah-buahan. Beliau pergi di sebuah pasar raya. Buah-buahan di pasar raya itu segar atau tidak mahal harganya.

Pasar raya itu sedang mengadakan jualan murah. Terdapat kain rentang digantungkan di belakang pasar raya itu.

Sandra dan ayahnya membeli buah mangga yang segar. Harga buah mangga itu tidak mahal. Mereka telah membuat pilihan yang murah.





## Seni Bahasa

### Jimat Belanja

Ini kisah Helmi  
Bijak berbelanja  
Pada suatu hari  
Pergi pasar raya

Helmi ada duit  
Simpan dalam saku  
Ada lima ringgit  
Mahu beli buku

(korus)  
Buku kanak-kanak  
Juga buku nota  
Masih ada banyak  
Murah-murah saja ... hei!

Duit ada lagi  
Helmi mahu simpan  
Guna hati-hati  
Fikir masa depan

(Mengikut melodi lagu "Lagu Tiga Kupang")



4.2.2(i)

Nota Guru

- Bimbing murid menyanyikan lagu dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

- Minta murid melakukan aksi mengikut lirik.

KBT : KB – Menghubungkaitkan

Nilai : Rasional

BA J2: 77

KP – Kinestetik

149



## Ayat Tanya

### Biskut Bijirin



Anand: Apakah biskut yang kamu makan, Zhi Ying?

Zhi Ying: Biskut bijirin yang saya makan, Anand.

Anand: Harga biskut itu berapa?

Zhi Ying: Harga biskut ini ialah RM3.00 sebungkus.

Anand: Kamu membeli biskut itu di mana?

Zhi Ying: Saya membeli biskut ini di Kedai Runcit Mesra.

Anand: Kamu membeli biskut itu di sana mengapa?

Zhi Ying: Saya membeli biskut ini di sana kerana harga barang-barang di kedai runcit itu murah.



### Bijak Bahasa

#### Ayat Tanya

Contoh: Siapakah nama lelaki itu?



#### Nota Guru

- Minta murid mengenal pasti penggunaan ayat tanya.
- Minta murid menyatakan ayat tanya.

KBT : KB – Mengecam

Nilai : Rasional

5.3.1(iii)

BA J2 : 78



### Pilihlah yang Sesuai

Fiza mengikut ibunya ke kedai pakaian. Dia mahu membeli baju sukan. Sebelum membeli baju itu, Fiza mahu mencubanya dahulu.

Fiza mencari bilik persalinan. Dia meminta bantuan jurujual di kedai pakaian itu.

Tolong tunjukkan saya bilik persalinan.



Pilihlah yang sesuai,  
Fiza. Jangan beli baju  
yang terlalu ketat.

Baiklah. Sila ikut saya.



Baiklah, ibu.

Minta puan ke kaunter untuk  
membuat pembayaran.



Baiklah, terima kasih.

## A. Jelaskan maklumat berdasarkan poster.



## B. Baca dan fahami petikan. Kemudian, tulis jawapan yang betul.

Sandra mahu membeli sekotak pensel warna. Dia ke Pasar Raya Bintang. Dia ke sana dengan ibunya.

Terdapat dua buah kedai alat tulis di pasar raya itu. Mula-mula, Sandra ke Kedai Alat Tulis Ceria. Pensel warna yang mahu dibelinya berharga RM5.00. Sandra tidak terus membeli pensel warna itu.

Sandra mengajak ibunya pergi ke Kedai Alat Tulis Murni pula. Kedai itu memberikan potongan harga. Sekotak pensel warna yang sama berharga RM4.00. Sandra membeli pensel warna di kedai itu.

1. Sandra mahu membeli apa? 
2. Sandra pergi ke mana? 
3. Sandra pergi ke Pasar Raya Bintang dengan siapa? 
4. Harga sekotak pensel warna di Kedai Alat Tulis Ceria berapa? 



## Penilaian

### C. Kenal pasti kesalahan kata. Kemudian, edit dan murnikan.

Ibu Amira pandai membuat dadih. Di suatu hari, Amira atau kakaknya membantu ibu mereka membuat dadih.

Ibu Amira meletakkan bahan-bahan untuk membuat dadih di bawah meja. Bahan-bahan itu ialah susu cair, gula dan dadih serbuk. Ibu Amira menunjukkan cara-cara membuat dadih ke mereka.

Ibu Amira bercadang untuk membuka perniagaan dadih. Mereka mahu menjual dadihnya secara dalam talian.

### D. Lengkapkan ayat tunggal berdasarkan gambar.

1.



Guan Hong menyimpan \_\_\_\_\_.

2.



\_\_\_\_\_ topi itu ialah RM8.00.

3.



\_\_\_\_\_ itu sangat mahal harganya.

4.



Ibu Zhi Ying membeli \_\_\_\_\_.



## Bacaan Luas

### Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia



Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia terletak di Sasana Kijang, Kuala Lumpur. Muzium dan galeri ini memberikan peluang kepada pengunjung untuk mengenali dan mempelajari hal ehwal ekonomi, perbankan dan kewangan.

Terdapat enam galeri di muzium ini. Salah satu daripadanya ialah Galeri Kanak-kanak. Di galeri ini, kanak-kanak diajar cara menyimpan, berbelanja dan mengurus wang.

Pengunjung juga boleh melalui “Terowong Sejuta Ringgit” yang terdapat di Galeri Kanak-kanak. Pelbagai siri wang kertas Malaysia dari dahulu hingga sekarang turut dipamerkan di situ.

Aktiviti “Jom Buat Tabung” yang dianjurkan juga amat menyeronokkan. Kanak-kanak berumur antara lima hingga sembilan tahun berpeluang untuk membuat tabung kertas mereka sendiri.

Galeri ini dibuka dari pukul 10:00 pagi hingga 6:00 petang setiap hari, kecuali pada tiga hari pertama Hari Raya Aidilfitri. Masuk adalah percuma.

(Sumber: Bank Negara Malaysia)